BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj.: 11/16/19

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1500 hari Rabu, 30 November 2016

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN
Oktober 2016

Keadaan Harga: Inflasi keseluruhan menjadi sederhana sedikit kepada 1.4% pada bulan Oktober 2016 disebabkan terutamanya oleh inflasi makanan yang lebih rendah pada bulan itu. Inflasi dalam kategori *makanan dan minuman bukan alkohol* menurun kepada 2.5% pada bulan Oktober (September 2016: 3.0%), mencerminkan keadaan bekalan yang terus bertambah baik. Inflasi dalam kategori *pengangkutan* kekal tidak berubah pada -5.5% meskipun harga petrol naik 10 sen/liter pada bulan itu disebabkan oleh kenaikan yang setara sebanyak 10 sen/liter pada tempoh asas dalam bulan Oktober 2015.

Keadaan Monetari: Kadar antara bank bagi semua tempoh matang secara relatif stabil pada bulan Oktober. Kadar asas (base rate, BR) purata berwajaran bank perdagangan kekal tidak berubah pada 3.60% manakala kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) berwajaran menurun kepada 5.23% pada bulan Oktober (September: 5.27%). Pembiayaan bersih kepada sektor swasta mencatat pertumbuhan tahunan 6.4% pada bulan Oktober (September: 6.5%). Ini didorong oleh pertumbuhan pinjaman yang diberikan oleh sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP) yang lebih tinggi dalam keadaan pertumbuhan bon korporat terkumpul bersih yang agak sederhana pada bulan itu. Pinjaman perniagaan terkumpul sistem perbankan mencatat pertumbuhan tahunan yang lebih tinggi sebanyak 2.9% (September: 2.0%), dengan pertumbuhan didorong terutamanya oleh peningkatan tahunan dalam sektor *pembinaan*; *kewangan, insurans dan*

perkhidmatan perniagaan; serta *perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel*. Tambahan lagi, terdapat beberapa pembayaran balik besar sekali sahaja oleh sebilangan kecil syarikat pada bulan-bulan sebelumnya. Tanpa mengambil kira pembiayaan balik ini, pertumbuhan tahunan pinjaman perniagaan terkumpul akan menjadi lebih tinggi. Yang penting, pertumbuhan tahunan pinjaman PKS terkumpul terus bertambah baik. Bagi isi rumah, pinjaman terkumpul sistem perbankan meningkat pada kadar lebih perlahan sebanyak 5.4% pada bulan Oktober (September: 5.6%), mencerminkan pertumbuhan tahunan pinjaman terkumpul yang sederhana untuk *pembelian harta kediaman; kereta penumpang;* dan *harta bukan kediaman*. Paras permohonan dan kelulusan pinjaman meningkat pada bulan Oktober bagi perniagaan dan isi rumah masing-masing kepada RM69.0 bilion dan RM33.8 bilion (September: masing-masing RM68.2 bilion dan RM29.6 bilion). Wang secara luas atau M3 mencatat pertumbuhan tahunan 3.2% pada bulan Oktober (September: 2.2%). Peningkatan M3 didorong terutamanya oleh pemberian kredit yang berterusan kepada sektor swasta oleh sistem perbankan. Walau bagaimanapun, peningkatan ini telah diimbangi oleh terbitan ekuiti oleh bank-bank pada tahun ini dan Akaun Pelaburan Islam yang terus bertambah seperti dicerminkan dalam pengaruh lain.

Sistem Perbankan: Sistem perbankan mengekalkan kedudukan modal yang kukuh. Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1, Nisbah Modal Kumpulan 1 dan Nisbah Jumlah Modal masing-masing pada 13.3%, 14.3% dan 16.7%. Pinjaman terjejas bersih mencakupi 1.2% daripada pinjaman bersih manakala nisbah perlindungan kerugian pinjaman adalah pada 90.5%. Dengan mengambil kira rizab pengawalseliaan (regulatory reserves) bagi pinjaman dan pembiayaan, bank mengekalkan penampan yang mencukupi bagi kemungkinan kerugian kredit.

Kadar Pertukaran dan Rizab Antarabangsa: Pada bulan Oktober, ringgit menambah nilai berbanding dengan mata wang kebanyakan rakan perdagangan utama Malaysia. Walau bagaimanapun, ringgit menyusut nilai berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) bersama-sama dengan

kebanyakan mata wang utama dan serantau. Ringgit menyusut nilai berbanding dengan dolar AS disebabkan oleh jangkaan pasaran bahawa kadar dasar AS akan dinaikkan menjelang akhir tahun 2016 dan kebimbangan berhubung dengan penyusutan nilai renminbi, yang menyebabkan kegiatan penghindaran risiko yang lebih nyata terhadap pasaran kewangan serantau. Ringgit juga menerima kesan akibat penurunan harga minyak mentah dunia yang menjejaskan sentimen terhadap mata wang negara-negara pengeksport komoditi. Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM407.8 bilion (bersamaan dengan USD98.3 bilion) pada 15 November 2016. Paras ini kekal lebih daripada mencukupi untuk memudahkan urus niaga antarabangsa dan memadai untuk membiayai 8.4 bulan import tertangguh dan ialah 1.2 kali hutang luar negeri jangka pendek[1].

Bank Negara Malaysia
30 November 2016

[1] Merujuk kepada hutang luar negeri jangka pendek yang didefinisikan semula, termasuk peminjaman jangka pendek luar pesisir, pemegangan sekuriti hutang ringgit jangka pendek oleh bukan pemastautin, deposit bukan pemastautin dengan sistem perbankan dan hutang jangka pendek lain. Untuk maklumat lanjut, rujuk rencana bertajuk 'Definisi Semula Hutang Luar Negeri' dalam Buletin Suku Tahunan mengenai Perkembangan Ekonomi dan Kewangan Malaysia pada Suku Pertama 2014.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Inflasi keseluruhan menjadi sederhana sedikit pada bulan Oktober

Inflasi



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Inflasi: Sumbangan Kepada Inflasi



**Lain-lain termasuk restoran dan hotel; perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan; pendidikan; kesihatan; hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah; komunikasi; pakaian dan kasut;* dan *pelbagai barangan dan perkhidmatan.*

Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar antara bank stabil pada bulan Oktober

Purata Wajaran Harian Bagi Kadar Antara Bank Semalaman



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar Antara Bank (Purata bagi tempoh)



Nota: Kadar antara bank yang terakhir diniagakan akan digunakan semasa tempoh tiada urus niaga pada bulan itu

Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar Deposit Bank Perdagangan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar Pinjaman bagi Bank Perdagangan



[1] Pada 2 Januari 2015, Kadar Asas telah menggantikan Kadar Pinjaman Asas (BLR) sebagai kadar rujukan untuk pinjaman runcit berkadar terapung baharu dan kemudahan pembiayaan baharu
[2] Wajaran berdasarkan bahagian setiap bank daripada semua pinjaman berkadar terapung terkumpul

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pertumbuhan pembiayaan bersih berterusan pada bulan Oktober

Pembiayaan Bersih dan Pinjaman Terkumpul



* Pembiayaan bersih terdiri daripada pinjaman sistem perbankan dan IKP, dan bon korporat terkumpul (tidak termasuk Cagamas dan terbitan bukan pemastautin)

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pinjaman Terkumpul Sistem Perbankan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta

RM bilion



* Tidak termasuk Cagamas dan terbitan bukan pemastautin

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pengeluaran Pinjaman oleh Sistem Perbankan

RM bilion



* Termasuk institusi kewangan bukan bank domestik, Kerajaan, institusi kewangan domestik, entiti domestik lain dan entiti asing

Sumber: Bank Negara Malaysia

Permohonan Pinjaman oleh Sistem Perbankan

RM bilion



* Termasuk institusi kewangan bukan bank domestik, Kerajaan, institusi kewangan domestik, entiti domestik lain dan entiti asing

Sumber: Bank Negara Malaysia

Kelulusan Pinjaman oleh Sistem Perbankan

RM bilion



* Termasuk institusi kewangan bukan bank domestik, Kerajaan, institusi kewangan domestik, entiti domestik lain dan entiti asing

Sumber: Bank Negara Malaysia

Mudah tunai dalam sistem perbankan kekal lebih daripada mencukupi

Nisbah Pinjaman dan Pembiayaan-Deposit



Nota: Mulai bulan Julai 2015, pinjaman tidak termasuk pembiayaan oleh Akaun Pelaburan Islam
Sumber: Bank Negara Malaysia

Mudah Tunai Terkumpul di Bank Negara Malaysia (Akhir tempoh)



* Peminjaman Pasaran Wang (tidak termasuk repo) termasuk Peminjaman Langsung, Penerimaan Wadiah dan Program Komoditi Murabahah (CMP)
Sumber: Bank Negara Malaysia

Pertumbuhan wang secara luas lebih tinggi pada bulan Oktober

M1 dan M3



Nota: Mulai bulan Julai 2015, penyusunan M3 telah diselaraskan untuk tidak mengambil kira Akaun Pelaburan Islam (Islamic Investment Account, IA) disebabkan oleh pengelasan semula data. Ini dicerminkan sebagai sumbangan negatif melalui *pengaruh lain*. Garis titik mewakili pertumbuhan M3 sekiranya pengelasan semula ini tidak dilaksanakan.
Sumber: Bank Negara Malaysia

Penyumbang Utama kepada Pertumbuhan M3



Sumber: Bank Negara Malaysia

Permodalan sistem perbankan kekal kukuh dengan kualiti pinjaman stabil

Kekukuhan Modal



Sumber: Bank Negara Malaysia

Nisbah Pinjaman Terjejas bersih dan Nisbah Perlindungan Kerugian Pinjaman



[1] Merujuk kepada nisbah peruntukan jejas nilai kolektif dan individu kepada jumlah pinjaman terjejas

Sumber: Bank Negara Malaysia

Ringgit menambah nilai berbanding dengan mata wang kebanyakan rakan perdagangan utama pada bulan Oktober tetapi menyusut nilai pada bulan November

Indeks Prestasi Ringgit Berbanding dengan Rakan Perdagangan Utama*



*Mata Wang: USD, CNY, SGD, JPY, EUR
Setiap mata wang mempunyai pemberat yang sama
Sumber: Bank Negara Malaysia

Rizab Antarabangsa Bersih: Akhir tempoh



Sumber: Bank Negara Malaysia

Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

	Ogos 16		Sept 16		Okt 16	
	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan
	(RM bil)	(%)	(RM bil)	(%)	(RM bil)	(%)
Agregat Monetari						
Wang rizab	134.2	-0.4	136.0	1.8	135.2	0.5
M1	354.9	1.0	358.3	0.1	360.9	2.7
M2	1,591.7	2.3	1,609.7	2.2	1,618.1	3.1
M3	1,599.8	2.4	1,617.5	2.2	1,626.5	3.2
Sistem Perbankan						
Pembiayaan bersih[1]	2,127.5	6.3	2,144.0	6.5	2,159.0	6.4
Nisbah pinjaman kepada deposit (%) [2]	89.0		88.7		88.5	
Nisbah Pinjaman kepada dana (%) [2&3]	83.7		83.4		83.1	
Nisbah Pinjaman kepada dana dan ekuiti (%) [2,3&4]	74.7		74.6		74.2	
Pinjaman terkumpul dalam RM bilion	1,472.1	4.2	1,483.8	4.2	1,493.4	4.5
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)	74.5	-1.2	68.2	-8.7	69.0	-14.5
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)	31.5	0.4	29.6	-8.2	33.8	-4.0
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)	82.8	-6.0	92.4	-6.5	87.9	-2.0
Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan)	82.3	4.9	86.7	-6.6	83.9	-1.5
Keadaan Sistem Perbankan						
Nisbah jumlah modal (%) [5]	16.8		16.7		16.7	
Nisbah modal kumpulan 1 (%) [5]	14.3		14.2		14.3	
Nisbah modal ekuiti biasa kumpulan 1 (%) [5]	13.4		13.3		13.3	
Nisbah pinjaman terjejas bersih (%)	1.3		1.3		1.2	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)						
Rizab bersih dalam RM bilion	391.9		404.9		405.5	
Rizab bersih dalam Dolar AS bilion (bersamaan)	97.5		97.7		97.8	
Bilangan bulan import tertangguh	8.1		8.4		8.4	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]						
Kadar Dasar Semalaman (OPR)	3.00		3.00		3.00	
Antara bank: Semalaman	2.98 [2.93]		2.99 [2.97]		2.92 [2.98]	
1 minggu	3.03 [3.02]		3.03 [3.03]		3.03 [3.03]	
1 bulan	3.08 [3.08]		3.08 [3.09]		3.19 [3.10]	
Deposit tetap bank perdagangan: 1 bulan	2.87		2.87		2.87	
3 bulan	2.87		2.92		2.92	
Kadar pinjaman asas (BLR) bank perdagangan	6.65		6.65		6.65	
Kadar asas berwajaran [6]	3.60		3.60		3.60	
Kadar pinjaman purata berwajaran bank perdagangan	5.28		5.27		5.23	
Harga						
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2010=100)	115.6	1.5	115.3	1.5	115.7	1.4

[1] Terdiri daripada pinjaman sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP) dan bon korporat terkumpul (tidak termasuk bukan pemastautin dan terbitan Cagamas)

[2] Deposit tidak termasuk deposit yang diterima daripada institusi perbankan. Pinjaman tidak termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan pinjaman yang diberikan kepada institusi perbankan. Mulai Julai 2015, pinjaman tidak temasuk pembiayaan oleh Akaun Pelaburan Islam

[3] Dana terdiri daripada deposit dan semua instrumen hutang (termasuk hutang subordinat, sijil hutang/sukuk yang diterbitkan, kertas komersial dan nota berstruktur)

[4] Ekuiti terdiri daripada saham biasa dan saham keutamaan, premium saham dan perolehan tertahan

[5] Mulai bulan Januari 2013, komponen modal dilaporkan berdasarkan Rangka Kerja Kecukupan Modal Basel III

[6] Pada 2 Januari 2015, Kadar Asas telah menggantikan Kadar Pinjaman Asas (BLR) sebagai kadar rujukan utama untuk pinjaman runcit berkadar terapung baharu dan kemudahan pembiayaan baharu. Wajaran berdasarkan bahagian setiap bank daripada semua pinjaman berkadar terapung terkumpul

Sumber: Bank Negara Malaysia